


KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Maksud Bekalan/Pembangunan 21



Mengurus RM	Pembangunan RM		Jumlah RM
	Cara Langsung	Pinjaman	
4,175,175,000	1,501,993,500	180,000,000	5,857,168,500

OBJEKTIF

Menerajui proses-proses transformasi dalam sektor pertanian secara terancang, bersepadu dan menyeluruh berteraskan penggembleran seluruh pemikiran dan tenaga organisasi ke arah pencapaian matlamat Dasar Agromakanan Negara.

PELANGGAN

- (i) Pengeluar hasil pertanian (petani/peladang, penternak, nelayan);
- (ii) Pemproses hasil pertanian [pengilang, usahawan tani, pengusaha industri asas tani (IAT)];
- (iii) Pemasar hasil pertanian (pemborong, peruncit, pengedar, pengimport, pengeksport, peniaga);
- (iv) Pengguna bandar dan luar bandar (*consumer*);
- (v) Pelabur tempatan/asing;
- (vi) Badan antarabangsa; dan

- (vii) *Stakeholders* (Perdana Menteri, Jemaah Menteri, Menteri, Ketua Setiausaha Negara).

STRATEGI

- (i) Meningkatkan daya saing negara dalam persekitaran global;
- (ii) Meningkatkan sumbangan sumber pertumbuhan baru dengan nilai ditambah yang tinggi;
- (iii) Menyerap serta menyebarkan inovasi dan teknologi secara meluas;
- (iv) Meningkatkan penglibatan sektor swasta intensif;
- (v) Mengukuhkan keupayaan dan membudayakan keusahawanan; dan
- (vi) Jentera pelaksanaan yang proaktif dan dinamik.

PROGRAM 1 : IBU PEJABAT

Objektif – Menggubal dasar, strategi dan program pembangunan pertanian selaras dengan Dasar Agromakanan Negara melalui pengurusan yang cekap dalam pentadbiran, perkhidmatan, perjawatan dan kewangan bagi mencapai objektif Kementerian.

Aktiviti 1 : Pengurusan

Objektif – (a) Memastikan perkhidmatan sokongan yang diberi kepada Jabatan/Bahagian/Cawangan/Unit di Kementerian dan Agensi dilaksanakan dengan cekap dan berkesan; dan (b) Menjamin operasi setiap program/aktiviti dapat memenuhi tanggungjawab mengikut perancangan yang ditetapkan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. mesyuarat dengan Menteri	58	58	58
Bil. pemprosesan baucar	100,000	100,000	100,000
Bil. pengeluaran buku (tajuk)	18	18	18
Bil. pembinaan koleksi monograf	1,000	1,000	1,000
Bil. kenyataan atau liputan akhbar	1,800	1,800	1,800

Aktiviti 2 : Perancangan

Objektif – (a) Menentukan dasar-dasar strategi/makro dalam sektor pertanian yang berkaitan komoditi makanan; (b) Memastikan maklumat dan statistik dalam bidang pertanian adalah tepat dan betul; dan (c) Menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam bidang yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. program pembangunan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera	60	60	60
Bil. khidmat nasihat pelaburan dan Pusat Pembangunan Perniagaan	300	300	300
Bil. seminar pelaburan	35	35	35
Bil. penyertaan sektor swasta	25	25	25

Aktiviti 3 : Pembangunan

Objektif – (a) Menentukan pembangunan yang mapan bagi sektor pertanian, ternakan dan perikanan dalam usaha meningkatkan taraf sosioekonomi petani, penternak dan nelayan; dan (b) Memastikan bekalan makanan adalah selamat, mencukupi dan boleh didapati dengan harga yang berpatutan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. pengawasan pelaksanaan program pembangunan Jabatan/Agensi	125	125	125
Bil. pemeriksaan dan pengawasan belanjawan pembangunan Jabatan/Agensi	100	100	100
Bil. penyediaan kertas dasar, kajian dan laporan	90	90	90
Bil. pengurusetiaan kepada majlis/mesyuarat	100	100	100

Aktiviti 4 : Industri Padi dan Beras

Objektif – (a) Memastikan pengeluaran beras dalam negara memenuhi sasaran sekurang-kurangnya 86% tahap siri (SSL); (b) Memastikan bekalan padi dan beras mencukupi; dan (c) Menggubal dan menyelaraskan pelaksanaan Dasar Industri Padi dan Beras Negara.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. laporan mingguan stok padi dan beras	850	850	850
Bil. pengeluaran lesen baru	30	30	30
Bil. penguatkuasaan	3,300	3,300	3,300

Aktiviti 5 : Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC)

Objektif – (a) Melahirkan tenaga manusia yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam ilmu dan teknologi pertanian; dan (b) Memastikan taraf pembelajaran di Kolej Pertanian Malaysia sentiasa dipertingkatkan bagi memenuhi keperluan negara.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. pelajar latihan Tahap 4	100	100	100
Bil. pelajar latihan Tahap 1, 2, 3	600	600	600
Bil. pelajar program pentauliahann penilaian pencapaian terdahulu Tahap 1, 2, 3	100	100	100
Bil. pembangunan pakej pembelajaran dalam bentuk elektronik (unit)	130	130	130

Aktiviti 6 : Pengairan dan Saliran Pertanian

Objektif – (a) Memastikan semua program pengairan pertanian yang dilaksanakan adalah selaras dengan dasar dan objektif Kerajaan; (b) Memastikan program pertanian yang dirancang oleh Kementerian tidak tergendala; (c) Menambah baik prestasi pengurusan pengairan melalui penggunaan teknologi baru dan pengurusan moden; dan (d) Menghasilkan satu sistem saliran pertanian bersepadu yang efektif untuk mengoptimumkan produktiviti tanaman.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. perancangan dan reka bentuk projek pengairan	8	8	8
Bil. penyelarasan dan pemantauan program pengairan dan saliran	39	39	39
Bil. khidmat teknikal projek pertanian	49	49	49
Bil. urusan pelantikan perunding	50	50	50
Bil. penyediaan kertas kerja/laporan	38	38	38

PROGRAM 2 : PERTANIAN

Objektif – (a) Memberi perkhidmatan perundingan, sokongan teknikal dan khidmat nasihat yang profesional dalam pelbagai bidang pertanian khususnya tanaman makanan dan industri hiliran dan menentukan pengeluaran makanan yang mencukupi untuk keperluan negara; (b) Membimbing dan mewujudkan pengusaha pertanian yang progresif bagi meningkatkan produktiviti ladang dan pengeluaran pertanian negara; (c) Mewujudkan kumpulan tenaga yang terlatih dan mahir untuk keperluan industri pertanian; (d) Melindungi tanaman-tanaman (tanaman industri dan makanan) daripada ancaman perosak dan penyakit melalui program perlindungan tanaman dan perkhidmatan kuarantin; (e) Menentukan keluaran hasil-hasil tanaman makanan yang selamat dan mengawal pencemaran alam sekitar; dan (f) Mengawal bahan-bahan tanaman dan bahan janaplasma negara daripada dibawa keluar negara dan terancam pupus.

Aktiviti 1 : Pengurusan dan Regulatori

Objektif – (a) Mewujudkan satu sistem pengurusan yang cekap serta berkesan bagi memenuhi khidmat sokongan dan keperluan semua lapisan pengurusan Jabatan; (b) Memastikan dasar dan program yang dirancang mematuhi matlamat Dasar Agromakanan Negara; (c) Mewujudkan aktiviti kawal selia, pengawasan, ramalan, diagnostik dan kepakaran, demonstrasi, pemerhatian dan kawalan serangan daripada merebak bagi menjamin hasil tanaman dan pendapatan petani daripada kerosakan dan kehilangan akibat perosak tanaman; (d) Memberi khidmat sokongan teknikal dan sekretariat kepada Lembaga Racun Perosak; dan (e) Mewujudkan kakitangan dan tenaga kerja yang mahir melalui program latihan dalam perkhidmatan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. petani yang diberi khidmat nasihat	300,375	504,000	240,000
Bil. petani yang diberi latihan kemahiran pertanian	1,844	4,624	1,744
Bil. permit import/ <i>Convention on International Trade in Endangered Species</i> (CITES), lesen eksport dan sijil fitosanitasi yang dikeluarkan	95,531	80,300	80,900

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. pendaftaran racun perosak yang diimport dan dikilang	785	700	700
Jum. luas tanah terbiar yang dibangunkan (hektar)	439	700	700

Aktiviti 2 : Pembangunan Komoditi

Objektif – (a) Menggalak dan memajukan komoditi seperti padi, buah-buahan, sayur-sayuran serta tanaman industri dan bunga bagi meningkatkan pengeluaran secara komersil dan berkualiti; (b) Membangunkan industri komoditi pertanian secara komersil melalui peningkatan pengeluaran, produktiviti dan kualiti; dan (c) Mewujudkan khidmat sokongan dalam aspek kejuruteraan pertanian dan pengurusan tanah secara mapan untuk membantu memaksimumkan hasil dan pendapatan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Jum. keluasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) yang digabungkan (hektar)	4,784	4,704	5,094
Bil. kuantiti pengeluaran benih kelapa MATAG/pandan (pokok)	115,874	78,000	100,000
Jum. keluasan ladang benih padi sah/daftar diperiksa (hektar)	45,492	42,300	42,300
Jum. keluasan siasatan tanah lengkap/separa lengkap (hektar)	13,362	6,000	6,000
Bil. ladang yang telah dipersijilkan Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM)/Skim Organik Malaysia (SOM)	96	70	70

PROGRAM 3 : PERKHIDMATAN VETERINAR

Objektif – (a) Mencegah, mengawal dan membasmi penyakit haiwan dan zoonosis; (b) Menggalakkan pertambahan dan pembangunan ternakan; (c) Menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan makanan dan pemakanan ternakan; (d) Menentukan hasil daripada haiwan yang digunakan manusia adalah suci dan sesuai untuk dimakan; dan (e) Menentukan kesihatan dan kesejahteraan semua haiwan.

Aktiviti 1 : Khidmat Pengurusan

Objektif – (i) Perancangan : (a) Memastikan dasar dan perancangan Jabatan selaras dengan objektif Jabatan dan dasar Kerajaan serta berjalan dengan berkesan; (b) Memastikan maklumat ekonomi ternakan adalah lengkap dan terkini; dan (c) Memastikan perhubungan awam dan antarabangsa Jabatan dijalankan dengan baik; dan (ii) Pentadbiran dan kewangan : (a) Memastikan aktiviti utama (pentadbiran/kewangan/perkhidmatan/perjawatan) dilaksanakan dengan berkesan; (b) Memastikan peralatan dan ruang pejabat, pengurusan sistem fail dan pengangkutan Jabatan disediakan dengan teratur dan selesa; (c) Memastikan semua pelantikan, pengesahan dalam jawatan, kenaikan pangkat, tatatertib dan sebagainya dilaksanakan dengan betul dalam tempoh yang ditetapkan; (d) Mengurus stor dan mengawal selia aset hidup (ternakan) dan aset bukan hidup (alih dan tak alih) dalam meningkatkan mutu perkhidmatan; dan (e) Menyelaras peruntukan tahunan Jabatan supaya perbelanjaan teratur dan memenuhi keperluan Jabatan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. baucar bayaran diproses	4,075	5,000	5,000
Bil. sebut harga/tender diuruskan	26/20	20/45	20/45
Bil. waran peruntukan diluluskan	800	800	800
Bil. penukaran/penempatan dikendalikan	157	160	160
Bil. perkhidmatan rujukan diberikan	160	200	200

Aktiviti 2 : Pengurusan Biosekuriti dan SPS (*Sanitary and Phyto-Sanitary*)

Objektif – (a) Merangka dan menyediakan dasar dan peraturan berkaitan kuarantin dan import/eksport haiwan dan produk haiwan berdasarkan risiko analisis yang dijalankan; (b) Mencegah, mengawal dan membasmi penyakit haiwan dan zoonosis untuk kesejahteraan haiwan dan kesihatan awam; (c) Menjana analisa risiko, kawalan biosekuriti dan pemantauan peraturan SPS; (d) Memastikan pengurusan keselamatan *drug* dan biologi veterinar yang mematuhi piawaian; (e) Mengadakan perkhidmatan import-eksport, laluan pasaran dan memantau perkhidmatan kuarantin; (f) Mengurus Pusat Kecemasan Kawalan Penyakit Veterinar; dan (g) Membangunkan kod amalan kebajikan haiwan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. ternakan divaksin/diuji/diperiksa untuk kawalan penyakit	236,660	250,000	300,000
Bil. ternakan dikuarantin	106,345	100,000	100,000
Bil. permit import/eksport, sijil dan <i>Approved Permit</i> (AP) yang diperakui	1,800	1,000	1,000
Bil. loji pemprosesan, rumah sembelih dan ladang ternakan yang diperiksa, dipantau dan diaudit	1,712	1,750	1,750
Bil. Indeks Penyakit (IP) yang dikendali dan dikawal dalam tahun semasa	113	130	130

Aktiviti 3 : Diagnostik dan Kepastian Kualiti

Objektif – (a) Menggalakkan pengusaha ladang ternakan, loji pemprosesan, rumah penyembelihan dan makmal swasta menyertai Skim Pensijilan Jabatan *Veterinary Health Mark* (VHM), Skim Amalan Ladang Ternakan (SALT), *Gord Veterinary Hygiene Practices* (GVHP) dan sijil pengiktirafan makmal swasta; (b) Memperkasakan perkhidmatan analisis makmal bagi menyokong program-program Jabatan yang bertujuan menjamin kesihatan ternakan dan kesihatan awam melalui penganugerahan ISO 17025 di samping memastikan peralatan makmal berfungsi dan analisis makmal adalah tepat; dan (c) Memperkukuhkan penerapan sistem kualiti di peringkat Jabatan dan industri ternakan melalui kerjasama kebangsaan, antarabangsa dan sumbangan kepakaran.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. Anugerah Pensijilan	14	15	16
Bil. ladang komersil mendapat Sijil SALT	314	315	316
Bil. sistem kualiti Jabatan yang dibangunkan	8	9	10
Bil. penglibatan pembangunan Standard/ Garis Panduan/Kod Amalan dengan lain-lain Agensi (SIRIM/KKM/JAKIM/ ASEAN)	25	25	25
Bil. pengiktirafan sistem kualiti makmal (ISO 17025)	3	5	6

Aktiviti 4 : Penyelidikan

Objektif – (a) Melaksanakan aktiviti penyelidikan dari segi penyakit haiwan dan zoonotik, teknik diagnostik, vaksin dan produk biologik, sistem pengeluaran ternakan dan makanan ternakan, pembiakbakaan dan agrobiodiversiti, kualiti dan keselamatan makanan serta perniagaan tani; (b) Menjalankan perkhidmatan diagnostik ke atas sampel-sampel dengan cekap dan tepat; (c) Membangunkan kapasiti dan modal insan kepada anggota Jabatan dan agensi luar untuk menjalankan penyelidikan berkualiti dan berkesan; dan (d) Mengadakan khidmat konsultasi teknikal dalam pelbagai aspek teknologi dan pelaksanaan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. projek penyelidikan dilakukan	90	85	85
Bil. pembentangan saintifik diadakan	50	60	60
Bil. penerbitan jurnal dihasilkan	13	20	20
Bil. penerbitan <i>Malaysian Journal of Veterinary Research</i> (MJVR) dihasilkan	1	2	2
Bil. sampel diuji	413,200	350,000	350,000

Aktiviti 5 : Penguat Kuasa

Objektif – (a) Menentukan wabak penyakit haiwan dalam negara tidak merebak melalui kawalan pemindahan ternakan; (b) Memastikan bekalan daging tempatan (lembu/kerbau/kambing/bebiri dan babi) daripada sumber yang diluluskan melalui kawalan penyembelihan; (c) Memastikan kebajikan haiwan terpelihara; dan (d) Mengurangkan pencemaran alam sekitar dengan memastikan semua ladang ternakan mematuhi syarat-syarat lesen penternakan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. pemeriksaan yang dijalankan	46,567	50,000	55,000
Bil. kes yang disiasat	780	600	600
Bil. kes yang didakwa	152	150	150

Aktiviti 6 : Pembangunan Komoditi Ternakan

Objektif – (a) Menggalak dan memperluas aktiviti integrasi ternakan ruminan dengan perladangan tanaman kekal (kelapa sawit dan getah); (b) Meningkatkan pengeluaran komoditi ternakan strategik yang bermutu untuk memenuhi keperluan pengguna dan industri asas penternakan bagi kegunaan dalam negara atau eksport; (c) Mewujudkan jaringan antara pengeluar, pengusaha dan pengguna untuk menjadikan pengeluaran dalam industri penternakan menjadi bersepadu dan berskala besar; (d) Mewujudkan suasana pelaburan industri ternakan yang selesa kepada para pelabur/pengusaha; dan (e) Meneroka dan menggalakkan pembangunan industri ternakan baru yang menguntungkan dan memenuhi permintaan serta cita rasa pengguna seperti pembangunan sarang burung walit, ternakan rusa, burung puyuh dan burung unta.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. khidmat veterinar yang dijalankan (kes)	13,614	13,000	13,000
Jum. kendalian susu segar (liter)	18,000,000	21,000,000	24,000,000
Jum. pemprosesan susu segar (liter)	18,000,000	21,000,000	24,000,000

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. pengagihan lembu baka (ekor)	8,786	7,200	7,200
Bil. ladang haiwan eksotik diberi perkhidmatan	33	30	30

Aktiviti 7 : Pembangunan Sumber Teknologi Ternakan

Objektif – (a) Menghasilkan sumber genetik ternakan yang bermutu dan produktif bagi menggalakkan pertumbuhan pengeluaran komoditi ternakan; (b) Meningkatkan kemajuan industri ternakan melalui pemodenan sistem pengurusan penternakan dan pembekalan sumber genetik; dan (c) Memberi khidmat nasihat kepakaran dan teknikal kepada individu/pengusaha sektor industri ternakan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. DIY - jurusuntik baru dari kalangan penternak yang dilantik oleh unit pembiakbakaan	15	200	25
Bil. anak ternakan A1 (ekor)	6,828	10,500	10,500
Bil. baka dan bibit lembu (ekor)	556	600	780
Bil. baka dan bibit kambing (ekor)	358	500	780
Bil. baka dan bibit rusa (ekor)	320	220	120

Aktiviti 8 : Pembangunan Industri Hiliran

Objektif – (a) Menyediakan perkhidmatan bagi menggerakkan dan membangunkan usahawan pemprosesan berasaskan hasil ternakan; dan (b) Menyediakan perkhidmatan abatoir bagi meningkatkan tahap kebersihan dan keselamatan makanan hasil ternakan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. karkas lembu/kerbau yang dihasilkan	29,860	40,000	50,000
Bil. karkas kambing/bebiri yang dihasilkan	10,697	13,000	15,000
Bil. karkas babi, lembu/kerbau, kambing/bebiri yang diperiksa	524,810	600,000	765,000
Bil. latihan usahawan yang diadakan	241	300	400
Bil. lawatan terancang dan berjadual yang diadakan	865	800	800

Aktiviti 9 : Latihan dan Pembangunan Kerjaya

Objektif – (a) Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta membina sikap dan etika yang positif di kalangan kakitangan dan penternak supaya mampu mencapai tahap kecekapan dan produktiviti yang lebih tinggi.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. pegawai/kakitangan yang dilatih	2,500	2,000	2,000
Bil. penternak dan individu lain yang dilatih	2,500	1,000	1,000

PROGRAM 4 : PERIKANAN

Objektif – (a) Merealisasikan pengeluaran ikan untuk tujuan makanan sebanyak 2.6 juta tan metrik melalui sumbangan perikanan tangkapan yang optimum sebanyak 1.8 juta tan metrik dan akuakultur sebanyak 0.8 juta tan metrik; (b) Mencapai kadar pertumbuhan purata tahunan pengeluaran rumpai laut dan ikan hiasan sebanyak 10% dan 12%; (c) Pelaburan tambahan swasta mencapai RM10 bilion menjelang tahun 2020; (d) Menepati tadbir urus yang rapi bagi aktiviti-aktiviti utama Jabatan dengan memperoleh Pensijilan ISO menjelang tahun 2015; (e) Membangun dan mengkomersilkan 10 teknologi baru menjelang tahun 2020; dan (f) Memastikan pendapatan kumpulan sasar Jabatan yang terlibat dalam aktiviti perikanan melebihi RM1,500 sebulan.

Aktiviti 1 : Pentadbiran dan Kewangan

Objektif – (a) Penyampaian perkhidmatan yang efektif dan memuaskan pelanggan serta mengurangkan aduan; (b) Memastikan semua peruntukan dibelanjakan secara berhemah dan mematuhi semua prosedur kewangan yang berkuat kuasa; (c) Memastikan pengurusan aset alih dilaksanakan mengikut arahan pekeliling dan menguatkuasakan pengurusan aset hidup; (d) Membantu dalam urusan perjawatan dengan menentukan pengisian jawatan oleh pegawai yang berkelayakan di samping melengkapkan kakitangan dengan latihan; (e) Memastikan kelancaran urusan perkhidmatan seperti pengesahan, kenaikan pangkat, tanggung kerja, pergerakan gaji serta pencen kakitangan bagi melicinkan jentera pentadbiran Jabatan; dan (f) Memastikan Jabatan dilengkapi dengan undang-undang yang mencukupi untuk mentadbir industri perikanan dengan cekap dan rasional serta dilaksana dengan betul dan berkesan.

PRESTASI AKTIVITI PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Output	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. urusan perolehan	5	6	6
Bil. urusan menaik taraf dan penyelenggaraan kuarters	13	13	13
Bil. urusan mewujudkan faedah nilai terbaik terhadap aset/stok Kerajaan	76,671	78,500	81,650
Bil. urusan mewujudkan perkhidmatan pengurusan	4,046	5,208	5,208

PRESTASI AKTIVITI CAWANGAN UNDANG-UNDANG

Output	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. kes diterima dan diproses	1,000	1,000	1,000
Bil. kes kompaun di bawah Akta Perikanan 1985	804	804	804
Bil. kes di bawah Akta Perikanan 1985 yang diberi Amaran, Lupus dan Sita	115	115	115
Bil. kes yang dibebaskan tanpa pendakwaan	61	61	61
Bil. pendakwaan/rayuan kes di mahkamah	20	20	20

Aktiviti 2 : Pengurusan dan Perlindungan Sumber

Objektif – (a) Mengurus sumber perikanan laut pantai, laut dalam dan antarabangsa secara bertanggungjawab supaya terus berkekalan dan tidak berlaku kemerosotan sumber seperti mana yang ditetapkan dalam Konvensyen Undang-Undang Laut Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCLOS) dan *Code of Conduct for Responsible Fisheries* (CCRF); (b) Memantau dan memelihara keseimbangan habitat dan sumber marin untuk menjamin kepelbagaian spesies bagi kepentingan negara dari segi pengeluaran ikan dan keindahan alam sekitar; (c) Mengurus sumber perikanan perairan darat termasuk sungai, tasik dan empangan secara

bertanggungjawab supaya ianya terus berkekalan dan tidak berlaku kemerosotan sumber; (d) Mengurus sektor perikanan (Perikanan Tangkapan dan Rekreasi) dengan mengambil kira status sumber berdasarkan maklumat saintifik yang diperolehi; (e) Melaksanakan dasar dan prosedur pelesenan untuk mengawal tahap eksploitasi sumber pada tahap optimum dan tidak menyebabkan masalah kemerosotan; (f) Merancang dan menyediakan dasar strategi untuk Pembangunan Perikanan Tuna serta dasar mengenai kru bukan warganegara dan warganegara; dan (g) Memeriksa dan memverifikasi vesel, nelayan, peralatan dan premis.

PRESTASI AKTIVITI PELESENAN

Output	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. vesel laut pantai yang diperiksa dan dilesenkan	48,446	48,446	48,446
Bil. nelayan tempatan yang berdaftar	93,056	93,056	93,056
Bil. vesel laut dalam yang diperiksa dan dilesenkan	1,310	1,400	1,450
Bil. nelayan kru asing yang berdaftar	36,566	38,726	39,926
Bil. instrumen dan aktiviti pengurusan sumber perikanan	62	54	54

PRESTASI AKTIVITI PERLINDUNGAN SUMBER

Output	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. rondaan oleh bot peronda Jabatan	893	1,000	1,000
Bil. pemeriksaan vesel nelayan	16,145	18,792	19,000
Bil. operasi bersepadu	10	10	10
Jum. peratusan aduan nelayan diambil tindakan (%)	10	10	10
Bil. kes tangkapan asing	65	70	80

Aktiviti 3 : Perancangan dan Korporat

Objektif – (a) Menyelaras program, projek dan aktiviti Jabatan dilaksanakan selaras dengan dasar-dasar semasa Kerajaan; (b) Memastikan tahap ketersediaan dan prestasi sistem ICT yang tinggi serta menyediakan data perikanan yang berintegriti, berkualiti dan boleh dipercayai; (c) Menyelia dan memantau pelaksanaan projek pembangunan yang cekap; dan (d) Menyediakan khidmat dan memastikan mutu kualiti pengurusan sumber manusia memenuhi keperluan sektor perikanan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Jum. peratusan peningkatan kemahiran, kualiti dan produktiviti kakitangan melalui penyertaan ke program-program seminar, bengkel, persidangan dan kursus insaniah atau teknikal anjuran Jabatan atau agensi luar (%)	94	95	95
Bil. kursus/seminar/bengkel/persidangan luar negara bagi meningkatkan pengetahuan dan keyakinan kakitangan	15	10	10
Bil. program pengajian lanjutan bagi meningkatkan tahap akademik kakitangan	5	5	5
Jum. peratusan pencapaian piagam pelanggan Jabatan (%)	99	99	99
Penarafan Nilai Bintang MAMPU (<i>Star Rating</i>)	-	4	-

Aktiviti 4 : Pengembangan dan Didikan

Objektif – (a) Meningkatkan taraf pengetahuan dan kemahiran masyarakat nelayan dan pengusaha perikanan di dalam bidang perikanan pantai, perikanan laut dalam, teknologi lepas tuai dan pemprosesan melalui pemindahan teknologi, transformasi dan promosi kumpulan sasar.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. urusan pemindahan teknologi :			
Bil. kemahiran teknikal	55	40	56
Bil. demo insitu/bengkel bergerak	112	70	98
Bil. pendedahan industri	8	3	4
Bil. urusan transformasi kumpulan sasar :			
Bil. majlis interaksi	45	28	39
Bil. seminar	5	3	4
Bil. kempen kesedaran	-	18	25
Bil. urusan promosi dan publisiti :			
Bil. pameran	60	65	91
Bil. penerbitan	7	8	11
Bil. hebahan media massa	-	4	6

Aktiviti 5 : Penyelidikan

Objektif – (a) Memastikan maklumat saintifik dan teknologi dalam bidang perikanan pantai sentiasa dikemaskini supaya kerja pengurusan sumber perikanan bagi mengekalkan pengeluaran ikan pada tahap optimum berjalan lancar; (b) Meningkatkan mutu alam akuatik yang sesuai dengan kehendak perikanan; (c) Memastikan maklumat saintifik dan teknologi dalam bidang pengendalian hasil perikanan yang disediakan boleh membantu mendapatkan hasil yang bermutu dan selamat dimakan; dan (d) Memastikan maklumat saintifik dan teknologi yang ada dapat mewujudkan alat-alat penangkapan ikan yang lebih selektif, tidak merosakkan dan membazirkan sumber perikanan serta alam sekitar.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. kajian yang dilaksanakan :			
Bil. perikanan tangkapan	6	8	9
Bil. bioteknologi dan hasil perikanan	7	9	13
Bil. akuakultur	7	9	13

Aktiviti 6 : Kejuruteraan

Objektif – (a) Memastikan perkhidmatan sokongan kejuruteraan yang cekap, sempurna dan berkesan; (b) Memastikan semua bot Jabatan diselenggarakan mengikut jadual dan selamat digunakan; (c) Memperkenal dan meningkatkan keupayaan teknologi moden serta peralatan yang sesuai bagi menambah daya pengeluaran dalam perusahaan perikanan; dan (d) Memajukan sektor akuakultur dan pembangunan fizikal projek akuakultur.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. penyelenggaraan bot ronda	10	10	10
Bil. penyelenggaraan kapal latihan/kajian	2	2	2
Bil. penyelenggaraan bot laju	25	25	25

Aktiviti 7 : Pembangunan Akuakultur

Objektif – (a) Menyelaras semua program berkaitan akuakultur bagi jaminan bekalan makanan melalui penjaanaan teknologi dalam mentransformasikan akuakultur menerusi penyelidikan dan pembangunan (R&D) dengan penglibatan pihak swasta dalam membangunkan industri akuakultur secara mampan selari untuk meningkatkan daya saing melalui keberkesanan kos dan produktiviti.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. pengeluaran akuakultur cukup dan terjamin :			
Udang laut (ribu t.m)	81.4	90.0	99.6
Ikan marin (ribu t.m)	40.9	45.2	50.0
Kerang-kerangan (ribu t.m)	102.4	103.4	105.4
Udang galah (ribu t.m)	2.1	2.2	2.4
Ikan air tawar (ribu t.m)	145.1	155.7	167.2
Ikan hiasan (juta ekor)	963	1,079	1,208
Rumpai laut (ribu t.m)	165	182	200
Bil. pengeluaran benih akuakultur yang konsisten :			
Benih udang laut (juta ekor)	4,884	5,400	5,976
Benih ikan marin (juta ekor)	3,663	4,050	4,482
Benih udang galah (juta ekor)	124.3	135.4	147.6
Benih ikan air tawar (juta ekor)	343.8	369.1	369.3
Bil. pemantauan ke atas projek-projek akuakultur setahun	-	576	588

Aktiviti 8 : Biosekuriti Perikanan

Objektif – (a) Menyelaras semua program berkaitan biosekuriti perikanan bagi makanan berasaskan ikan (*food of animal origins*) dan ikan hiasan yang merangkumi sumber dari perikanan tangkapan dan sumber akuakultur.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Jum. peratusan pendaftaran hatcheri, vesel, ladang ikan makan, ladang ikan hiasan, pengimport, pengeksporth, ladang CITES, kilang tepung ikan dan kilang makanan ikan yang dijalankan (%)	10	10	10
Jum. peratusan sijil hatcheri, vesel, ladang ikan makan, ladang ikan hiasan, pengimport, pengeksporth, kilang tepung ikan dan kilang makanan ikan serta permit CITES yang dikeluarkan (%)	20	20	20
Jum. peratusan pengauditan hatcheri, vesel, ladang ikan makan, ladang ikan hiasan, pengimport, pengeksporth, kilang tepung ikan dan kilang makanan ikan yang dijalankan (%)	20	20	20
Jum. peratusan pemeriksaan terhadap premis pengeksporth, pengimport dan ladang CITES yang dijalankan (%)	5	5	5
Jum. peratusan pensampelan bagi Program Kesihatan Awam yang dijalankan (%)	10	10	10

PROGRAM 5 : INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)

Objektif – (a) Menjana pengetahuan baru dan teknologi yang boleh dikomersilkan serta memberi perkhidmatan untuk pelanggan; (b) Meningkatkan nilai pelanggan; (c) Menyerlah di peringkat antarabangsa melalui kecemerlangan saintifik; (d) Mencapai kecemerlangan operasi; (e) Membangunkan infrastruktur fizikal dan teknikal yang terkini; (f) Membangun dan mengekalkan tenaga kerja berpengetahuan yang bermotivasi, kompeten dan produktif; (g) Mencapai kecemerlangan melalui keupayaan pemasaran yang lebih baik; dan (h) Mengukuhkan kedudukan kewangan.

Aktiviti – Terdapat empat (4) Aktiviti di bawah MARDI iaitu Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), Pemindahan dan Penyebaran, Mendorong Pengkomersilan Teknologi dan Pengurusan Kualiti.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. projek R&D pembiayaan Kerajaan dimenangi dan dilaksanakan	173	200	250
Bil. projek R&D pembiayaan swasta dan antarabangsa dimenangi dan dilaksanakan	20	25	25
Bil. teknologi baru (pengetahuan baru yang disignifikan dan teknologi berpotensi komersil) dihasilkan	63	40	40
Bil. khidmat makmal analisa dan pengesanan kualiti	368	360	360
Bil. aktiviti projek inkubator dan <i>test bed</i> teknologi dilaksanakan	181	160	160

PROGRAM 6 : LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

Objektif – (a) Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pemasaran produk pertanian dan makanan; (b) Membangunkan infrastruktur pemasaran dan sistem rantai bekalan yang cekap dan berkesan; (c) Meluaskan pemasaran dan permintaan hasil pertanian; (d) Memacu pengeluaran berasaskan pasaran melalui sistem maklumat yang cekap; dan (e) Membangunkan keupayaan sumber manusia dalam pemasaran pertanian berasaskan pengetahuan dan teknologi terkini.

